

18/03/2004

Kita tidak kedekut kongsi ilmu, pengalaman dengan China, Bahrain

SEJAK mula menganjurkan perlumbaan paling berprestij di dunia-Formula Satu pada tahun 1999, Litar Antarabangsa Sepang (SIC) terus mengorak langkah menjadi peneraju kepakaran perlumbaan itu demi meningkatkan mutu sukan pemotoran negara di rantau ini.

Kepakaran dimiliki SIC bukan hanya dimanfaatkan di negara sendiri bahkan turut ditagih dua penganjur baru saingan F1 iaitu Litar Shanghai dan Litar Bahrain bagi merealisasikan matlamat menjadi penganjur terbaik.

"SIC adalah penganjur tertua di rantau selepas Jepun tetapi kita tidak kedekut pengalaman dan sedia berkongsi dengan sesiapa saja yang mahu meminta nasihat dan kepakaran yang kita miliki," kata Pengerusi SIC, Datuk Mokhzani Tun Mahathir.

Katanya, pihak Litar Shanghai dan India kerap kali mengadakan perjumpaan untuk meminta nasihat dan kepakaran SIC sebelum membina litar mereka berdasarkan keupayaan negara ini membina antara litar F1 terbaik di dunia.

Pengurusan Litar Bahrain menurut Mokhzani juga meminta pendapat SIC sebelum membina 'fast track' mereka yang ada pada hari ini dan menggunakan kontraktor yang sama iaitu Hermann Tilke-orang yang sama bertanggungjawab membina Litar Antarabangsa Sepang.

"Kita bukan saja memberi input dari segi kepakaran bahkan turut menghantar petugas khas (marsyal perlumbaan) untuk memastikan perlumbaan di dua negara terbabit berjalan lancar. Ini bukan perkara asing kerana kita juga pernah mendapatkan petugas dari Portugal dalam perlumbaan pertama dulu.

"SIC mempunyai kepakaran yang lengkap bukan setakat ada 'bata dan besi' (litar) saja tetapi sudah memperlengkapkan diri dengan tenaga pekerja terlatih sejak dulu untuk mengendalikan perlumbaan dengan teratur dan berkesan," katanya.

Mengulas mengenai perlumbaan F1 yang kini menjadi medan tumpuan penganjuran banyak negara seperti India, Korea dan Russia, Mokhzani berkata persaingan sengit itu pastinya akan mempertingkatkan prestasi sukan pemotoran di seluruh dunia termasuk Malaysia.

"Memang setiap negara penganjur mengimpikan seorang juara dunia dalam F1 dan SIC cuba untuk membentuk pelumba ini dari peringkat pemandu Go-Kart sehinggalah F1 dengan menjadikan Litar Sepang sebagai gelanggang untuk mengasah bakat dan minat mereka.

"Tapi SIC hanyalah tuan rumah (menguruskan Litar Sepang) seperti yang dimandatkan kepada kita, kita tidak menaja pasukan atau pemandu, cuma apa yang kita perlukan ialah penaja daripada pihak swasta untuk membentuk pelumba yang boleh bergelar juara," kata Mokhzani.

Menurut Mokhzani, rakyat di negara ini bertuah kerana pihak kerajaan membelanjakan jutaan ringgit bagi membina kemudahan untuk F1 dan sampailah masanya untuk kita melahirkan jaguh perlumbaan dalam pelbagai siri mengikut perancangan rapi yang dilakukan selama ini.